

Nota dari Editor (Jun 2025)

Munshi Jurnal Pengajian Sejarah keluaran Jun 2025 menerbitkan enam artikel dalam tema sejarah lokal dan sejarah ekonomi. Pihak jurnal percaya bahawa semua artikel dalam keluaran ini mempunyai maklumat sejarah baharu yang menarik untuk semua peminat sejarah. Keluaran kali ini menerbitkan artikel berkenaan tiga tokoh dari tiga bidang berbeza iaitu ketenteraan, kraf dan politik. Mereka menyumbang jasa yang besar dan tidak ternilai kepada negara. Tiga tokoh berkenaan adalah Micheal Riman anak Bugat (1952-2023), Mohd Ariffin bin Wook (1949-Kini) dan Ishak Haji Muhammad (Pak Sako, 1909-1991). Selain itu, sejarah PERKIM sebagai salah sebuah persatuan yang signifikan dalam sejarah dakwah di Malaysia juga dimuatkan dalam keluaran ini. Dua artikel berkenaan ekonomi menyentuh kesan kemelesetan sepanjang 1929-1939 dan kawalan inflasi di Malaysia pada 1980-1990. Jelasnya semua artikel ini mengulas sejarah Malaysia dalam tempoh yang berbeza.

Artikel berkenaan tokoh yang ditulis oleh Doreen Chong Ee mengetengahkan tentang tokoh dari masyarakat Iban iaitu Micheal Riman Anak Bugat (1952-2023). Tokoh kelahiran Sarawak ini menyumbang khidmat bakti dalam bidang ketenteraan sepanjang perkhidmatannya pada 1973-2004. Beliau terlibat secara langsung dalam beberapa operasi menentang komunis di Semenanjung dan di Sarawak. Micheal Riman cedera parah semasa menyertai operasi ketenteraan di Gunung Korbu pada 1979 dan dikalsifikasikan sebagai pegawai berstatus Base Employment. Perbincangan di dalam artikel ini memperlihatkan tentang kekentalan dan kecintaan tokoh dalam mempertahankan kedaulatan negara. Ia juga menunjukkan bahawa perjuangan dan khidmat bakti ketenteraan bukan hanya di medan tempur tetapi juga di belakang tabir. Micheal Riman menyumbang kepada tentera melalui khidmatnya dalam bahagian logistik dan kebajikan. Jelasnya, artikel ini memperlihatkan satu aspek baharu dalam kajian mengenai tokoh tentera.

Tokoh seterusnya adalah Mohd Ariffin bin Wook (1949-kini), anak kelahiran Tumpat, Kelantan yang mempunyai pengalaman lebih dari empat dekad dalam pertukangan perak. Aida Farhanah Zainal A'sri mendokumentasikan tokoh hidup yang menjadi inspirasi kerana kepakarannya dalam penghasilan kraf perak. Mohd Ariffin terkenal kehalusan motif flora dan keunikan reka corak awan larat Tunggal. Beliau komited memastikan kelangsungan ilmu dan kemahiran pertukangan perak terpelihara melalui kelas, bengkel dan usaha lain yang berkaitan. Ketokohnya melayakkan beliau untuk menjadi penerima Anugerah Sanggar Mustika pada 2020 dan dilantik sebagai Adiguru Kraf (dalam kategori Pertukangan Perak) pada 2024. Ringkasnya, artikel ini mendokumentasikan tokoh kraf tempatan yang signifikan perannya dalam mempertahankan warisan bangsa.

Nama Ishak Haji Muhammad atau lebih dikenali sebagai Pak Sako (1909-1991) tidak asing dalam sejarah Malaysia. Banyak tulisan dan kajian telah dihasilkan mengenai anak kelahiran Temerloh Pahang ini. Namun, Mohd Asrul Kassim mengetengahkan satu kegiatan politik Pak Sako selepas kemerdekaan. Ia meliputi kegiatan dan ideanya semasa berada di dalam Parti Buruh Malaya (1957-1965) Socialist Front (1957-1965) serta pemikirannya tentang Gagasan Malaysia. Artikel ini menunjukkan bahawa idea berkaitan sosialisme yang mendasar dalam perjuangan politik Pak Sako serta usahanya memartabatkan agenda kelas pekerja merentas batas kaum. Di samping mendokumentasikan sisi yang kurang diberikan perhatian dalam kajian sebelum ini, Mohd Asrul memperlihatkan tentang konflik dan perubahan lanskap politik yang lebih luas dalam konteks pembinaan negara bangsa pasca Merdeka.

Kajian berhubung sejarah perjuangan kemerdekaan di Tanah Melayu menunjukkan betapa pentingnya peranan persatuan dan pertubuhan yang ditubuhkan ketika itu dalam menjana pemikiran masyarakat dan menggerakkan mereka ke arah satu tujuan yang sama. Selepas Merdeka kajian berhubung sejarah di negara ini agak kurang memberikan perhatian kepada aspek ini. Kajian Nuraisya Hanim Ab. Ghafar mengemukakan tentang peranan Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM) dalam memberikan bantuan kebajikan khususnya sepanjang tempoh tahun 1976-1986. Beliau membincangkan tentang penglibatan PERKIM dalam menguruskan bantuan kebajikan kepada warganegara asing dari Kemboja, Afrika dan Korea. Kajian ini memberikan maklumat tentang bagaimana pertubuhan dan gerakan di Malaysia memberi respon kepada masyarakat antrabangsa dan jaringan yang wujud ekoran daripada usaha yang mereka lakukan.

Dua artikel lain yang diterbitkan dalam keluaran ini menyentuh tentang perkembangan ekonomi yang berlaku dan kesannya kepada masyarakat. Muhamad Irfan Iamnullah Mohamad Zakir menulis berkenaan keadaan ekonomi dan masyarakat di Kedah yang bergantung kepada hasil getah semasa zaman kemelesetan ekonomi dunia pada 1929-1939. Kajian ini memperlihatkan kejatuhan harga getah memberi kesan langsung kepada masyarakat. Maklumat daripada sumber sejarah menunjukkan bahawa kejatuhan harga getah menyebabkan berlakunya ketidakstabilan hidup yang mana masyarakat terbelenggu dengan hutang dan terancam dengan kadar jenayah yang meningkat. Muhammad Irfan juga menunjukkan bahawa penurunan harga getah memberi kesan kepada taraf kesihatan masyarakat. Artikel kedua berkenaan ekonomi menyentuh tentang kawalan inflasi di Malaysia pada tahun 1980 sehingga 1990. Nonaina Mat mencadangkan bahawa kawalan inflasi yang berkesan di negara ini adalah hasil daripada peranan yang dimainkan oleh pihak kerajaan dan peranan khusus Bank Negara Malaysia. Beliau juga menyatakan bahawa penggunaan harga subsidi bagi barangan asas harian, penurunan kadar cukai dan kawalan harga barang turut menyumbang dalam menangani tekanan inflasi. Secara umumnya, inflasi berlaku dalam tempoh kajian ini adalah disebabkan kebergantungan negara kepada sumber komoditi tertentu sahaja. Artikel ini menunjukkan keperluan kepada perancangan jangka panjang ekonomi yang berkesan bagi melindungi kesejahteraan rakyat. Kedua-dua artikel berkenaan ekonomi ini menunjukkan bahawa ekonomi memainkan peranan penting dalam memastikan kesejahteraan masyarakat.

Keluaran ini mengandungi beberapa artikel yang berasaskan kepada tema dalam sejarah lokal. *Munsyi* mengalu-alukan kajian yang menyentuh sejarah tempatan kerana kajian sedemikian menyumbang kepada pemahaman yang lebih terperinci dan mendalam dalam naratif sejarah negara. Dalam menghadapi perkembangan di mana sejarah dicampurkan dengan mitos, dan legenda penulisan sejarah palsu dan seumpamanya *Munsyi Jurnal Pengajian Sejarah* berharap supaya kajian mengenai sejarah lokal diberikan perhatian. Ia penting dalam memastikan kebenaran ilmu sejarah terpelihara.

Sehubungan itu, pihak editor jurnal ingin menjemput semua yang berminat untuk menyumbangkan artikel berkenaan sejarah tempatan dan mana-mana aspek dalam bidang sejarah dan pendidikan sejarah. Ulasan buku dalam bidang sejarah juga amat dialu-alukan.